



►► Pendaftaran Awal

- a) Pendaftaran awal mula dibuka pada **15 Dis 2017 sehingga 28 Feb 2018** melalui laman web www.yoursuccessourstory.com.

►► Format Pertandingan – Peringkat Awal

- a) Setiap sekolah dibenarkan untuk menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan. Borang penyertaan berserta kertas cadangan projek hendaklah dihantar secara atas talian sebelum atau pada tarikh tutup penyertaan.
- b) Garis Panduan Kertas Cadangan projek, Jadual dan Terma & Syarat pertandingan boleh diperolehi di laman web **www.yoursuccessourstory.com**.
- c) Kertas cadangan perlulah mengikut format yang telah ditetapkan. SME Bank berhak untuk membatalkan mana-mana penyertaan yang tidak menepati syarat.
- d) Kertas cadangan projek perlu dihantar dengan memuat naik melalui laman web rasmi www.yoursuccessourstory.com.
- e) Panel juri yang dilantik oleh penganjur akan membuat penilaian ke atas kertas cadangan projek dan pemilihan sekolah yang layak ke peringkat seterusnya.

►► Format Pertandingan – Peringkat Separuh Akhir

- a) 20 sekolah yang terpilih perlu menghadiri sesi bootcamp selama 3 hari 2 malam beserta guru pembimbing di lokasi yang akan ditetapkan oleh pihak penganjur.
- b) Wang modal sebanyak RM1,000.00 akan diberikan untuk menyiapkan produk dan melaksanakan perniagaan.
- c) Para pelajar dikehendaki membuat pembentangan kertas rancangan perniagaan berserta produk yang boleh berfungsi sepenuhnya dihadapan panel juri.
- d) Panel juri akan membuat penilaian dan memilih 10 pasukan untuk ke peringkat akhir.
- e) Pihak penganjur akan membuat pengumuman melalui surat / Facebook / laman web www.yoursuccessourstory.com.

►► Format Pertandingan – Peringkat Akhir

- a) Pada peringkat akhir, setiap pasukan akan diberi masa selama 10 minit untuk membuat pembentangan pelaksanaan perniagaan dan hasil jualan produk di hadapan panel juri yang dilantik oleh pihak penganjur.

- c) Panel juri akan mengemukakan soalan kepada setiap pasukan selama 5 minit.
- d) Pemenang akan dipilih bagi projek yang menepati kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur.

► **Penilaian / Permarkahan**

- a) SME Bank berhak melantik mana-mana panel juri bagi membuat penilaian ke atas pelaksanaan perniagaan dan hasil jualan produk. Setiap keputusan yang dibuat oleh panel juri adalah MUKTAMAD. Sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.
- b) Penilaian adalah berdasarkan kepada kriteria seperti berikut:

Peringkat Awal	%	Peringkat Separuh Akhir	%	Peringkat Akhir	%
Dokumentasi	100	Penerangan Produk	5	Pencapaian Projek	60
		Aspek Pengurusan	15	Kedah Mengatasi Masalah Pelaksanaan Projek	15
		Aspek Pemasaran	20	Inovasi	10
		Aspek Teknikal	10	Persembahan	10
		Aspek Kewangan	20	Lampiran/ Dokumen Sokongan	5
		Kesimpulan Projek	15		
		Persembahan	10		
		Lampiran/ Dokumen sokongan	5		
Jumlah Keseluruhan	100		100		100

► **Panel Juri**

- a) Pada peringkat separuh akhir seramai empat (4) orang juri profesional yang dilantik oleh penganjur akan membuat penilaian ke atas kertas cadangan projek dan mengemukakan soalan kepada setiap pasukan. Manakala satu (1) orang ketua juri yang dilantik oleh penganjur akan menjadi ketua hakim pada peringkat akhir pertandingan tersebut. Seorang juruaudit profesional akan dilantik oleh pihak penganjur bagi mengesahkan keputusan permarkahan yang dibuat oleh panel juri.
- b) Dua (2) orang pembantu akan berada bersama panel juri semasa pertandingan tersebut untuk menjaga masa dan jurukira markah.